

Diaclean bantu pesakit buah pinggang

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)
3 JULAI 2019 (ISNIN) M/S 20

PESAKIT buah pinggang menerima khabar gembira apabila seorang penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan inovasi mencuci penapis buah pinggang sintetik yang digunakan dalam rawatan hemodialisis dikenali sebagai Diaclean.

Diaclean adalah inovasi yang mesra alam sesuai dengan apa juga bentuk dialisis yang mampu menjimatkan kos ditanggung pesakit.

Inovasi tersebut sehingga kini telah digunakan di sembilan buah pusat dialisis seluruh negara dengan lebih 250 orang pesakit.

Diaclean dihasilkan menerusi penyelidikan Prof. Dr Zularisam Ab. Wahid yang merupakan Pengarah UMP Renal Care Sdn. Bhd. anak syarikat UMP.

Zularisam yang juga Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan universiti berkenaan berkata, beliau mendapat inspirasi menghasilkan inovasi tersebut setelah menyedari kos yang tinggi terpaksa ditanggung pesakit semasa mendapatkan rawatan di pusat rawatan haemodialisis.

Katanya, Diaclean mula dibangunkan sejak tahun 2008 dengan dengan mendapat geran dari UMP serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan mula dipasarkan sejak tahun 2014.

Zularisam berkata, antara kelebihan Diaclean adalah mampu menjimatkan kos haemodialisis yang ditanggung pesakit dan pusat rawatan kerana harganya lebih murah serta mampu mencuci penapis buah pinggang sintetik untuk jumlah yang lebih banyak berbanding produk luar negara dengan tahap kualiti yang sama.

Ujarnya, sebelum ini ramai pesakit ataupun pusat rawatan haemodialisis menggunakan produk luar negara, sebaliknya dengan adanya Diaclean yang merupakan keluaran tempatan, diharapkan ia dapat membantu mengurangkan beban mereka.

"Apa yang lebih menariknya produk ini juga boleh digunakan tanpa was kerana mendapat status halal



DR. ZULARISAM AB. WAHID (tengah) bersama produk mencuci penapis buah pinggang sintetik yang digunakan dalam rawatan hemodialisis di UMP baru-baru ini.

INFO

- ✓ Harga bagi 10 liter Diaclean adalah RM300.
- ✓ Harganya lebih murah berbanding dengan produk sama dikeluarkan di luar negara.
- ✓ Sebagai contoh harga di Amerika Syarikat dijual dengan harga RM570 bagi 10 liter.
- ✓ Diaclean mampu mencuci penapis buah pinggang sintetik dengan lebih banyak iaitu antara 10 hingga 15 kali.
- ✓ Kos haemodialisis pesakit buah pinggang dapat dijamin kerana kebiasaannya pesakit perlu menjalani proses itu antara satu sehingga 12 kali sebulan.
- ✓ Penyelidikan Diaclean juga berjaya mendapat tempat pada pameran penyelidikan dengan meraih pingat emas dan mendapat *Best Of The Best* di Pameran Kreativiti, Inovasi, Teknologi & Penyelidikan (Citrex) anjuran UMP beberapa tahun lalu.

dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan kita adalah pengeluar pertama di Malaysia mengeluarkan produk seumpama itu.

"Selain itu produk ini juga turut mendapat penarafan standard ISO 13485:2003 yang membuktikan produk berkenaan adalah berkualiti dan juga diperbuat berdasarkan teknologi hijau," katanya.

Bahan utama dalam penghasilan Diaclean adalah cuka makanan dan produk ini dihasilkan sesuai untuk digunakan semua peralatan serta sesuai dengan diet pemakanan rakyat Malaysia. Produk dari luar negara ada kalanya tidak sesuai dengan semua peralatan yang

digunakan dalam haemodialisis di negara ini kerana tidak menepati diet penduduk tempatan.

Antara pusat rawatan hemodialisis di negeri ini yang sudah menggunakan produk ini termasuklah di Pusat Hemodialisis Islam Makmur dan Pusat Rawatan Dialisis Fitra Kuantan.

Justeru beliau berharap produk tersebut terus diterima manfaat oleh masyarakat dan pusat rawatan termasuk hospital kerajaan yang ada segelintir daripadanya sudah menyatakan peretujuannya.

Walau bagaimanapun, pihaknya perlu mendapatkan kelulusan menerusi Akta Peralatan Perubatan terlebih dahulu.